

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG – BN]**

TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah belia luar bandar yang tidak berada dalam “Education, Employment dan Training” (NEET) kini serta punca masalah tersebut di peringkat Nasional dan di peringkat Sarawak.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan satu kajian berhubung Kajian NEET (*Not in Employment, Education and Training*) dalam Kalangan Belia Malaysia. Kajian ini dilaksanakan pada tahun 2015 dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM). Golongan NEET dikenali sebagai kelompok belia yang tercicir dari arus pembangunan iaitu belia yang tidak tergolong dalam guna tenaga, tidak terlibat dengan sebarang program pendidikan dan tidak mengikuti sebarang program latihan kemahiran.
2. Berdasarkan kiraan formula *International Labour Organization* (ILO) yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, mendapati pada tahun 2014, kategori golongan "NEET" dicatatkan seramai 918,200 orang belia (15-29 tahun)" atau 6.59% daripada guna tenaga negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 102,179 orang terdiri daripada golongan belia NEET di Negeri Sarawak.
3. Hasil daripada kajian yang dilaksanakan mendapati antara faktor utama mereka tercicir daripada pekerjaan, pendidikan dan latihan formal seperti berikut:

SULIT

a) Faktor Sosioekonomi dan Pengaruh Keluarga

Salah satu punca utama wujudnya golongan NEET adalah dari faktor sosioekonomi dan pengaruh ibubapa. Belia yang mempunyai ibubapa yang tidak mempunyai kelulusan yang tinggi dan tiada pengalaman pendidikan di peringkat menengah atau kolej adalah lebih cenderung untuk menjadi NEET. Begitu juga, remaja daripada golongan keluarga yang berpendapatan rendah dan terlibat dengan pelbagai masalah sosial lebih berkemungkinan untuk gagal dan tidak menyambung persekolahan mereka.

b) Faktor Pengalaman, Kemahiran dan Komunikasi

Kurang pengalaman, kemahiran (*skill*) dan kebolehan berkomunikasi turut menjadi salah satu faktor belia terpinggir daripada peluang pekerjaan dan tergolong dalam kumpulan NEET.

c) Faktor Logistik

Kegagalan untuk mendapatkan latihan berkaitan pekerjaan atau perantis yang disebabkan faktor logistik. Responden dari Sabah dan Sarawak yang menyatakan belum bersedia untuk keluar kerana faktor tempat latihan yang ditawarkan adalah jauh di Semenanjung Malaysia yang mana mereka terpaksa menggunakan belanja yang lebih besar. Disamping itu,

SULIT

sesetengah responden menyatakan menyambung pelajaran atau latihan memerlukan masa yang panjang sedangkan tiada jaminan untuk mendapat pekerjaan dengan sijil yang diperolehi (kebolehpkerjaan).

d) Faktor Peribadi

Masalah peribadi seperti faktor kesihatan yang membataskan untuk golongan belia mendapatkan pekerjaan, menyambung pelajaran dan pendidikan.

Sekian, terima kasih.